

Headline	UniKL hanya perlu tenang untuk menang		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Feb 2013	Color	Black/white
Section	Sukan	Circulation	197,952
Page No	31	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	114 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	MYR 1,485
Frequency	Daily	PR Value	MYR 4,456



UniKL hanya perlu tenang untuk menang

Oleh **ZAZALI JAMIAN**
sukan@utusan.com.my

KUALA LUMPUR - Tiada percaturan khusus ditekankan yang oleh jurulatih UniKL Young Guns, K. Enbaraj buat kelab itu tetapi cukup sekadar mengharap pemainnya tenang apabila menghadapi Thunderbolts dalam misi meraih gelaran pada saingan terakhir Liga Hoki Remaja Malaysia (MJHL) hari ini.

Kata Enbaraj, jika perhain tenang sudah tentu segala kesukaran yang dihadapi dapat diatasi selain dapat mengelak daripada melakukan kesilapan mudah.

Enbaraj mengakui perlawanan hari ini amat penting buat pasukannya kerana perlu mendapatkan kemenangan selepas tiga kali seri

pada saingan sama dengan Thunderbolts pada musim 2010, 2011 dan 2012.

"Mereka (Thunderbolts) ada peluang dan kita juga ada peluang tetapi tumpuan kami adalah untuk menang dalam masa sama saya mahu pemain tenang ketika di atas padang.

"Mereka mempunyai pakar pukulan sudut penalti yang hebat serta pemain penyerang yang laju semua ini membuatkan kami perlu memberikan tumpuan penuh pada corak permainan mereka nanti," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Kali terakhir UniKL Young Guns menjuarai MJHL ialah pada 2011 dan ia juga adalah gelaran kali pertama kelab itu sementara Thun-

derbolts telah menjulang kejuaraan liga sebanyak dua kali iaitu musim lalu dan 2010.

Ketika ini UniKL Young Guns berada di tangga ketiga liga berkongsi mata dengan pasukan kedudukan kedua Thunderbolts dan hanya dibezakan melalui kelebihan jaringan selepas enam perlawanan.

Seandainya UniKL Young Guns ingin menjulang trofi liga buat kali kedua mereka tiada pilihan lain selain perlu mendapatkan tiga mata penuh menewaskan Thunderbolts.

Bagaimanapun, jika kedua-dua pasukan sekadar seri maka kejuaraan akan menjadi milik MBPJ yang ketika ini telah mengumpul 18 mata di tangga teratas selepas menamatkan tujuh saingan liga musim ini.